



**Federation of JPK Accredited
Centers Malaysia**

Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia

- 1. ISU-ISU DAN CADANGAN
PENAMBAHBAIKAN PROGRAM
LATIHAN PERSIJILAN
KEMAHIRAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN SUMBER
MANUSIA (KSM) YANG
DIJALANKAN OLEH AHLI-AHLI
PERSEKUTUAN PUSAT-PUSAT
BERTAULIAH JPK SWASTA
MALAYSIA (FeMAC)**

ISU-ISU SEMASA DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM LATIHAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM) YANG DIJALANKAN OLEH AHLI-AHLI PERSEKUTUAN PUSAT-PUSAT BERTAULIAH JPK SWASTA MALAYSIA (FeMAC)

1.0 TUJUAN

Kertas cadangan ini adalah bertujuan untuk mengetengahkan isu-isu yang dihadapi oleh Pusat Bertauliah Swasta (PBS) JPK dan memberikan syor-syor penambahbaikan meningkatkan kapasiti, keupayaan dan kualiti PBS. Kesemua isu dan cadangan adalah hasil pertemuan kepimpinan FeMAC dengan ahli-ahli FeMAC pada 8 September 2016, jam 3.00 petang di Auditorium Kolej Megatech Antarabangsa, Sky Park Subang Jaya, Selangor.

2.0 PENDAHULUAN/LATAR BELAKANG.

- 2.1 Terlebih dahulu, FeMAC menegaskan bahawa FeMAC amat menyokong kerajaan dalam melaksanakan Transformasi TVET sebagai pelan pembangunan pekerja mahir berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.
- 2.2 Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) terutamanya yang terdiri dari ahli FeMAC memainkan peranan penting sebagai pelengkap kepada sistem latihan negara bagi mencapai matlamat pekerja mahir sebanyak 35 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja negara menjelang tahun 2020.
- 2.3 FeMAC adalah PERSEKUTUAN PUSAT BERTAULIAH JPK SWASTA MALAYSIA yang berdaftar dengan Registrar of Society (ROS) pada 28 Julai 2004 dan mempunyai ahli sebanyak 350 pusat

bertauliah di seluruh Malaysia. Jumlah pelatih yang dilatih setahun mencecah 75,000 orang. Jumlah kakitangan keseluruhan ahli FeMAC seramai 20,000 orang.

- 2.4 Dana yang diperolehi adalah daripada pelbagai sumber seperti Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Perbadanan Sumber Manusia Berhad (HRDF), SLDN, B40, Yayasan Negeri, MARA dan lain-lain.

3.0 PENDAFTARAN PUSAT BERTAULIAH

3.1 Secara keseluruhannya, Pusat Bertauliah merangkumi 2 bahagian iaitu Awam (ILKA) dan juga Swasta (ILKS). Pendaftaran terkini JPK menunjukkan data seperti berikut:.

- i. AWAM (ILKA) sebanyak 541 buah
- ii. SWASTA (ILKS) sebanyak 648
- iii. JUMLAH PELAJAR – Lebih kurang 120,000 setahun (SKM)
- iv. JUMLAH PB menjalankan SLDN sebanyak 2,176 buah.

4.0 ISU DAN PENYELESAIAN

4.1 Sejak kebelakangan ini wujud rungutan daripada Ahli-ahli FeMAC berkaitan dengan Pengurusan Pentauliahan JPK dan Pembiayaan daripada PTPK sehingga menimbulkan pelbagai kerumitan kepada PB swasta.

4.2 Kesan daripada masalah ini ia mewujudkan birokrasi yang akhirnya menjejaskan operasi Pusat Bertauliah.

4.3 Untuk mencari penyelesaian, satu perjumpaan (Mesyuarat Khas) telah diadakan pada 8hb September 2016 yang bertempat di Auditorium Kolej Megatech Antarabangsa, Sky Park Subang Jaya, Selangor dan

dihadiri lebih kurang 100 orang ahli bagi membincangkan isu-isu dan penyelesaiannya.

4.4 Berikut adalah isu-isu secara kolektif dan penyelesaian yang dicadangkan iaitu:-

BIL	ISU	PENYELESAIAN
1	<p>KUOTA</p> <p>1.1 Jumlah kuota PTPK untuk setiap PB tidak mencukupi.</p> <p>1.2 Purata minima jumlah pelajar yang diperlukan oleh setiap PB ialah 50-300 pelajar (bergantung saiz)</p> <p>1.3 Kuota peningkatan tahap sangat terhadap.</p>	<p>1.1 Kuota hendaklah diberikan secara kombinasi contoh : Tahap 2/3/4 atau Tahap 2/3. Rasionalnya ialah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Untuk mengelakkan daripada penggunaan penjamin yang berbeza mengikut tahap ii. Mengelak dari membayar Premium Insurans iii. Pembayaran balik hanya dalam satu akaun sahaja. iv. Kuota juga hendaklah mengambilkira bilangan Program yang ditawarkan berdasarkan keupayaan kapasiti dan juga pengiktirafan yang diberikan oleh JPK. <p>1.2 Setiap PB memerlukan peruntukan kuota sebanyak 100-500 pelatih setahun (mengikut kapasiti)</p>
2	<p>KELULUSAN BERSYARAT</p> <p>2.1 Menyebabkan kekangan untuk pendaftaran PP dengan PTPK, Pendaftaran Pusat dan Program dan juga Star Rating</p>	<p>2.1 Lulus bersyarat sah dalam urusan pendaftaran, Star Rating dan kuota PTPK tetapi jika selepas 3 (TIGA) tahun, PB gagal untuk mendapatkan kelulusan penuh, maka secara automatik semua kelayakan terbatal atau sebarang kontrak kelulusan bersyarat tidak disambung atau tidak diteruskan pentauliahannya.</p>

<p>3.</p>	<p>KAPASITI TERHAD</p> <p>3.1 Penguatkuasaan peraturan kapasiti mulai Januari 2017 menyebabkan PB beroperasi dalam aras kerugian.</p> <p>3.2 PB tidak mempunyai masa yang cukup untuk menyediakan kelengkapan tambahan.</p>	<p>3.1 Memberi masa secukupnya iaitu menguatkuasakan peraturan kapasiti pada tahun 2018.</p> <p>3.2 Mengkaji semula syarat penggunaan penuh kemudahan peralatan dan tenaga pengajar daripada kapasiti minima kepada tahap maksimum @fully utilized or fully optimum.</p>
<p>4.</p>	<p>KELAYAKAN PEGAWAI PENILAI (PP)</p> <p>4.1 Pada masa ini, PB sukar mendapat PP yang mempunyai cukup kelayakan seperti yang disyaratkan.</p> <p>4.2 Sekatan terhadap PP yang ada tunggakan kerana pernah membuat Pinjaman dengan pihak PTPK.</p> <p>4.3 Syarat pengambilan PP hanya dibenarkan daripada PP yang diperakukan oleh CIAST.</p> <p>4.4 Setiap PP dihadkan kepada</p>	<p>4.1 Meluaskan pengiktirafan tenaga pengajar lepasan IPTA/IPTS sebagai PP/TP melalui Pentauliahan Khas Pengajar oleh JPK/CIAST/FeMAC.</p> <p>4.2 Kerajaan perlu meningkatkan pengiktirafan IPTA/IPTS menerima Graduan SKM/DKM ke peringkat lebih tinggi sama ada DLKM/Ijazah/Master dan PhD iaitu Pengkhususan Khas iaitu dalam bidang Tenaga Pengajar Kemahiran.</p> <p>4.3 Permit Khas kepada golongan Pakar Industri dalam bidang@task tertentu.</p> <p>4.4 Urusan pungutan semula kutipan hutang PP perlu dilakukan mengikut prosedur biasa tanpa menyekat urusan PB dengan PTPK. Walaubagaimanapun PB bersedia membantu menjelaskan bayaran melalui potongan gaji, bayaran secara penuh dan juga</p>

<p>6.</p>	<p>JUMLAH PB YANG TERLALU BANYAK</p> <p>6.1 Mewujudkan lambakan penawaran oleh PB yang menyebabkan jumlah pelajar dan kuota menjadi terhad.</p> <p>6.2 Saingan yang tidak sihat dan setara.</p> <p>6.3 Meningkatkan Birokrasi kerana kekangan tenaga kerja dan kepakaran di JPK/PTPK.</p>	<p>6.1 Membekukan sementara PB Swasta Baru di JPK.</p> <p>6.2 Jika ada IPTA/IPTS mahu menjalankan program JPK, mereka hanya boleh menjalankan program DLKM dan ke atas sahaja.</p> <p>6.3 Walaubagaimanapun peluang diberikan kepada bidang kritikal yang tidak dijalankan oleh PB yang sedia ada.</p>
<p>7.</p>	<p>SKIM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)</p> <p>A. ELAUN SARA HIDUP</p> <p>7.1 Elaun pelajar terutamanya pelajar Luar Bandar di Sabah & Sarawak yang diberikan sebanyak RM 300 setiap bulan adalah tidak cukup untuk menampung perbelanjaan.</p>	<p>7.1 Mohon kenaikan Elaun Sara Hidup untuk pelajar seluruh Malaysia sebanyak RM 500 setiap bulan.</p>

	<p>7.2 Di Sabah & Sarawak, kemudahan pengangkutan awam di pendalaman amat terhad berbanding dengan kebanyakan negeri di Semenanjung (<i>Disahkan oleh EPU</i>). Oleh itu pelajar dari pelusuk kampung terpaksa mencari rumah sewa di Bandar.</p> <p>7.3 Elaun RM 300 hanya cukup untuk sewa rumah sahaja. Makan minum selalunya adalah bantuan ehsan daripada Pengusaha PB yang juga menghadapi masalah kewangan.</p> <p>B. YURAN PENGAJIAN</p> <p>7.4 Yuran bulanan yang dikenakan sebanyak RM125 /sebulan / pelajar adalah terlalu rendah dan sedikit menyebabkan jumlah ini tidak mencukupi untuk menampung kos operasi PB.</p>	<p>7.2 Yuran bulanan pelatih kepada PB dinaikkan sebanyak RM 300/sebulan/pelatih.</p>
--	---	---

8	<p>PERUBAHAN NOSS</p> <p>8.1 Kekerapan pertukaran NOSS yang menyebabkan PB perlu melakukan semula pelbagai proses pendaftaran program baru yang melibatkan modul, tenaga pengajar, kelengkapan dan lain lain.</p> <p>8.2 Kadangkala timbul isu masalah teknikal yang baru seolah-olah tidak mematuhi syarat NOSS baru.</p>	<p>8.1 Pertukaran NOSS hanya dilakukan selepas sekarang-kurangnya 5 tahun digunakan.</p> <p>8.2 Disarankan juga tidak perlu menukar sistem dan struktur NOSS tetapi mempertingkatkan kaedah melalui fasiliti atau kaedah pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>8.3 Wakil FeMAC diwajibkan menjadi PANEL dalam setiap penggubalan NOSS.</p>
9	<p>SYARAT KEMUDAHAN YANG TIDAK REALISTIK</p> <p>9.1 Pihak JPK terutama Bahagian Penguatkuasaan seringkali mencadangkan jumlah peralatan dan saiz kemudahan yang tidak realistik dengan keseimbangan latihan. Ini berpunca daripada kekeliruan antara SETUP INDUSTRI</p>	<p>9.1 Ratio dan keperluan kemudahan serta kelengkapan hendaklah seimbang dan logik.</p> <p>9.2 Panel Penilaian JPK hendaklah dibantu oleh Pakar Industri berkaitan.</p> <p>9.3 JPK perlu mempertingkatkan pengiktirafan kerjasama antara PB Swasta dan Industri sebagai syarat modul latihan.</p>

	dengan SETUP PUSAT LATIHAN berorientasikan industri.	9.4 JPK dan Panel Industri hendaklah meningkatkan pembangunan PB sebagai pembimbing/fasilitator dan bukannya sebagai Penguatkuasa semata-mata.
10	<p>STAR RATING</p> <p>10.1 Tidak semua PB layak untuk menjalani star rating terutama PB yang LULUS BERSYARAT</p> <p>10.2 PB yang menerima penarafan bintang yang tinggi seperti 5 bintang gagal mendapat keistimewaan dalam bentuk KUOTA PTPK dan lain-lain.</p>	<p>10.1 Semua PB dicadangkan layak untuk dinilai untuk program STAR RATING sama ada LULUS PENUH atau BERSYARAT.</p> <p>10.2 PB yang menerima bintang perlu mendapat keistimewaan mengikut taraf bintang masing-masing dari segi KUOTA, INSENTIF pembangunan serta latihan tenaga pengajar.</p>
11	<p>PENDAFTARAN BERJADUAL</p> <p>11.1 PB juga berdepan dengan masalah pengambilan pelajar kerana sistem sedia ada yang berasaskan "FREE ENTRY FREE EXIT".</p>	<p>11.1 JPK/PTPK perlu melakukan pendaftaran pelatih secara seragam tanpa menimbulkan kekeliruan pada setiap PB.</p>

5.0 RUMUSAN

5.1. Bagi menyelesaikan isu diatas juga dicadangkan bersama:-

- i. Penubuhan Jawatankuasa bersama (JOINT COMMITTEE) antara FeMAC dan JPK/PTPK/PSMB/CIAST untuk menyelesaikan isu-isu di Pengerusikan bersama oleh wakil KSM dan FeMAC. Mesyuarat ini perlu diadakan secara berkala sekurang-kurangnya 4 kali setahun.
- ii. Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Khas, Kerjasama Awam/Swasta (Public Private Partnership) untuk menjayakan 3P sebagai usaha membangunkan kapasiti PB swasta. Satu pelan pembangunan baru menuju masa hadapan perlu disediakan seiring dengan perancangan Transformasi Nasional 2050 yang dicadangkan oleh YAB. Perdana Menteri, ketika membentangkan Bajet 2017 pada 21 Oktober yang lalu.
- iii. Kerajaan menyediakan INSENTIF dan INISIATIF pembangunan kapasiti kepada PB Swasta seperti dana pinjaman mudah, dana pembinaan infrastruktur dan kelengkapan latihan supaya terus relevan, berdaya saing, berdaya maju, tahan diuji zaman pada masa hadapan.